

**TAHAP PENGLIBATAN DALAM AKTIVITI  
SUKARELA DAN KESANNYA TERHADAP  
KESEJAHTERAAN DIRI GOLONGAN AWAL  
DEWASA DI KEDAH**

**NOREHAN BINTI ABDUL RAHMAN**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
2018**

**TAHAP PENGLIBATAN DALAM AKTIVITI  
SUKARELA DAN KESANNYA TERHADAP  
KESEJAHTERAAN DIRI GOLONGAN AWAL  
DEWASA DI KEDAH**

**oleh**

**NOREHAN BINTI ABDUL RAHMAN**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sains Kemasyarakatan (Psikologi)**

**Februari 2018**

## **PENGHARGAAN**

Bismillahirrahmanirahim.. Bersyukur saya ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya, saya dapat menyelesaikan Tesis ini dengan lengkapnya.

Dikeempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Prof Madya Dr Intan Hashimah Bt. Mohd Hashim kerana telah banyak memberikan tunjuk ajar, panduan, bantuan dan nasihat sepanjang saya berada di bawah penyeliaan beliau. Jasa baik dan ilmu yang telah diberikan, akan sentiasa dikenang dan tidak akan dilupakan. Tidak lupa juga jutaan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah lain dan staf-staf di IPS dan di pusat pengajian yang turut berkongsi ilmu serta panduan sepanjang pengajian saya ini. Semoga segala ilmu yang diperolehi ini diberkati Allah seadanya bagi kedua-dua belah pihak.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih juga diberikan kepada pihak di Pertubuhan-Pertubuhan Sukarela Kebajikan di negeri Kedah kerana memberi kerjasama dan mengizinkan saya menjalankan kajian ke atas sukarelawan yang bernaung di bawah pertubuhan mereka. Diharap kajian ini sedikit sebanyak mampu membantu bagi meningkatkan pembangunan sukarelawan.

Akhir sekali, kepada ibunda tersayang Che Rom Binti Ahmad, terima kasih di atas sokongan, restu dan doa yang tidak berbelah bahagi. Juga buat suami tercinta, Khayrul Anuar bin Ismail, terima kasih atas segala doa dan dorongan semangat. Hanya Allah sahaja lah yang dapat membalas budi baik kalian semua. Semoga segala keberkatan dan keredhaan yang dititip Allah adalah untuk kita semua, insyaAllah. Sekian, terima kasih.

## ISI KANDUNGAN

Penghargaan.....	ii
Isi Kandungan.....	iii
Senarai Jadual.....	viii
Senarai Rajah.....	xi
Senarai Singkatan.....	xii
Abstrak.....	xiii
Abstract.....	xv
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.1 Latar Belakang.....	1
1.2 Permasalahan Kajian.....	4
1.3 Persoalan Kajian.....	7
1.4 Objektif Kajian.....	8
1.5 Kepentingan Kajian.....	9
1.6 Hipotesis Kajian.....	12
1.7 Kesimpulan.....	13
<b>BAB 2 KAJIAN LITERATUR</b>	<b>14</b>
2.1 Pendahuluan.....	14
2.2 Definisi Konsep & Operasional.....	14
2.2.1 Definisi kesukarelawan.....	14
2.2.2 Definisi Golongan Awal Dewasa.....	16
2.2.3 Definisi Kepercayaan Agama.....	16
2.2.4 Definisi Sifat Altruisme.....	18
2.2.5 Definisi Perasaan Belas Kasihan.....	19
2.2.6 Definisi Pengaruh Rakan Sebaya.....	20
2.2.7 Definisi Pengaruh Media Massa.....	21
2.2.8 Definisi Pihak Kepimpinan dan Pengurusan Pertubuhan Sukarela...	22
2.2.9 Definisi Insentif.....	23
2.2.10 Definisi Reputasi.....	23
2.2.11 Definisi Kegembiraan.....	24
2.2.12 Definisi Kepuasan Hidup.....	25
2.2.13 Definisi PERMA.....	26

2.3	Sorotan Kajian Literatur.....	28
2.3.1	Jenis-Jenis Kesukarelawan.....	28
2.3.2	Penglibatan Sukarelawan Golongan Awal Dewasa.....	32
2.3.3	Kesukarelawan Dalam Konteks Psikologi Positif.....	34
2.3.4	Faktor Demografi Yang Dikaitkan Dengan Penglibatan Golongan Awal Dewasa Dalam Aktiviti Sukarela.....	36
2.3.5	Faktor Peribadi Yang Dikaitkan Dengan Penglibatan Golongan Awal Dewasa Dalam Aktiviti Sukarela.....	42
2.3.6	Faktor Sosial Yang Dikaitkan Dengan Penglibatan Golongan Awal Dewasa Dalam Aktiviti Sukarela.....	46
2.3.7	Faktor Karakteristik Pertubuhan Sukarela Yang Dikaitkan Dengan Penglibatan Golongan Awal Dewasa Dalam Aktiviti Sukarela.....	50
2.3.8	Kesejahteraan Hidup Sukarelawan.....	53
2.3.9	Kesan Penglibatan Aktiviti Sukarela Dari Perspektif Model PERMA.....	56
2.4	Teori Kajian.....	57
2.4.1	Teori Kesejahteraan Diri.....	57
2.4.2	Teori Pembelajaran Sosial.....	57
2.5	Kerangka Konseptual Kajian.....	59
2.6	Kesimpulan.....	61
<b>BAB 3</b>	<b>KAEDAH KAJIAN</b>	<b>62</b>
3.1	Pendahuluan.....	62
3.2	Metod Kajian.....	62
3.3	Skop Kajian.....	62
3.4	Tempat Kajian.....	63
3.5	Sampel dan Persampelan.....	64
3.6	Prosedur Kajian.....	65
3.7	Instrumen Kajian.....	66
3.8	Analisis Data.....	77
3.9	Kajian Rintis.....	79
3.9.1	Kefahaman responden terhadap borang soal selidik.....	80
3.9.2	Kebolehpercayaan soal selidik.....	80
3.10	Kesimpulan.....	83

<b>BAB 4 ANALISIS DATA</b>	84
4.1 Pendahuluan.....	84
4.2 Analisa Frekuensi Data Bahagian A – Latar Belakang Diri.....	84
4.3 Analisis Deskriptif Data Bahagian B – Latar Belakang Aktiviti Sukarela Yang Disertai.....	86
4.3.1 Kategori Pertubuhan Sukarela Kebajikan yang disertai.....	86
4.3.2 Aktiviti utama yang dijalankan di Pertubuhan Sukarela Kebajikan.....	87
4.3.3 Peranan dan tugas dalam aktiviti sukarela.....	88
4.3.4 Insentif yang diterima.....	89
4.4 Analisis Deskriptif Data Bahagian C – Tahap Penglibatan Dalam Aktiviti Sukarela.....	90
4.5 Analisis Deskriptif Data Bahagian D – Faktor Penglibatan Dalam Aktiviti Sukarela.....	91
4.6 Analisis Deskriptif Data Bahagian E – Kesejahteraan Diri.....	93
4.7 Analisis Deskriptif Data Bahagian F – Kesan Penglibatan Dalam Aktiviti Sukarela Mengikut Model PERMA.....	94
4.8 Analisis Inferensi Pengujian Hipotesis.....	95
4.8.1 Pengujian hipotesis 1 : Perbezaan tahap penglibatan dalam aktiviti sukarela antara jantina.....	95
4.8.2 Pengujian Hipotesis 2 : Perbezaan Tahap Penglibatan Dalam Aktiviti Sukarela Antara Status Perkahwinan.....	96
4.8.3 Pengujian hipotesis 3 : Perbezaan tahap penglibatan dalam aktiviti sukarela antara kawasan tempat tinggal.....	98
4.8.4 Pengujian Hipotesis 4 : Perbezaan tahap penglibatan dalam aktiviti sukarela antara bangsa.....	99
4.8.5 Pengujian Hipotesis 5 : Perbezaan tahap penglibatan dalam aktiviti sukarela antara kategori umur.....	100
4.8.6 Pengujian Hipotesis 6 : Perbezaan tahap penglibatan dalam aktiviti sukarela antara kategori pekerjaan.....	101
4.8.7 Pengujian Hipotesis 7 : Perbezaan tahap penglibatan dalam aktiviti sukarela antara kategori pendapatan bulanan.....	102
4.8.8 Pengujian Hipotesis 8 : Hubungan tahap penglibatan golongan awal dewasa dalam aktiviti sukarela dengan ketiga-tiga dimensi faktor peribadi.....	104
4.8.9 Pengujian Hipotesis 9 : Hubungan tahap penglibatan golongan awal dewasa dalam aktiviti sukarela dengan ketiga-tiga	

	dimensi faktor sosial.....	105
4.8.10	Pengujian Hipotesis 10 : Hubungan tahap penglibatan golongan awal dewasa dalam aktiviti sukarela dengan ketiga-tiga dimensi faktor karakteristik pertubuhan sukarela.....	106
4.8.11	Pengujian Hipotesis 11 : Hubungan tahap penglibatan golongan awal dewasa dalam aktiviti sukarela dengan tahap kesejahteraan diri.....	108
4.8.12	Pengujian Hipotesis 12 : Hubungan tahap penglibatan golongan awal dewasa dengan kesan penglibatan dalam aktiviti sukarela mengikut Model PERMA.....	109
4.9	Peramal Faktor Penglibatan Golongan Awal Dewasa Dalam Aktiviti Sukarela.....	110
4.10	Kesimpulan.....	112
<b>BAB 5</b>	<b>PERBINCANGAN</b>	113
5.1	Pendahuluan.....	113
5.2	Ringkasan Dapatan Kajian.....	113
5.3	Perbincangan Keputusan Kajian.....	115
5.3.1	Perbincangan tahap penglibatan golongan awal dewasa dalam aktiviti sukarela di Kedah.....	115
5.3.2	Perbincangan mengenai kaitan faktor demografi dengan tahap penglibatan golongan awal dewasa dalam aktiviti sukarela.....	117
5.3.3	Perbincangan mengenai kaitan faktor peribadi dengan tahap penglibatan golongan awal dewasa dalam aktiviti sukarela.....	119
5.3.4	Perbincangan mengenai kaitan faktor pengaruh sosial dengan tahap penglibatan golongan awal dewasa dalam aktiviti sukarela.....	121
5.3.5	Perbincangan mengenai kaitan faktor karakteristik pertubuhan dengan tahap penglibatan golongan awal dewasa dalam aktiviti sukarela.....	123
5.3.6	Perbincangan kaitan di antara tahap kesejahteraan diri dengan tahap penglibatan golongan awal dewasa dalam aktiviti sukarela.....	125
5.3.7	Perbincangan kaitan di antara tahap penglibatan dengan kesan penglibatan mengikut Model PERMA bagi golongan awal dewasa dalam aktiviti sukarela.....	126
5.4	Implikasi Kajian.....	127
5.4.1	Implikasi teori.....	127

5.4.2	Implikasi praktis.....	129
5.5	Limitasi dan Cadangan Kajian di Masa Depan.....	131
5.6	Kesimpulan.....	132
<b>RUJUKAN</b>		134
<b>LAMPIRAN</b>		



## SENARAI JADUAL

	<b>Halaman</b>	
3.1	Senarai Kategori Pertubuhan dan Jumlah Sukarelawan Awal	
	Dewasa	64
3.2	Senarai Pembahagian Item Bahagian D Mengikut Faktor dan Dimensi Pembolehubah	68
3.3	Senarai Pembahagian Item Bahagian E Mengikut Dimensi Pembolehubah	74
3.4	Senarai Item Mengikut Dimensi Pembolehubah PERMA	76
3.5	Interpretasi Nilai Pekali Korelasi	78
3.6	Keputusan Ujian Kebolehpercayaan Item C (ii)	81
3.7	Keputusan Ujian Kebolehpercayaan Item D	81
3.8	Keputusan Ujian Kebolehpercayaan Item E	82
3.9	Keputusan Ujian Kebolehpercayaan Item F	83
4.1	Taburan Bilangan dan Peratus Latar Belakang Diri Responden	84
4.2	Senarai Kategori Pertubuhan Sukarela Kebajikan Yang Disertai Responden	87
4.3	Senarai Peranan dan Tugas Dalam Aktiviti Sukarela	88
4.4	Taburan Jumlah dan Peratus Responden Yang Menerima dan Tidak Menerima Insentif	89
4.5	Taburan Bilangan dan Peratus Responden Berdasarkan Peruntukan Masa Menyertai Aktiviti Sukarela	90
4.6	Keputusan Analisis Deskriptif Tahap Penglibatan Dalam Aktiviti Sukarela	91
4.7	Keputusan Analisis Deskriptif Faktor Penglibatan Dalam	

	Aktiviti Sukarela	92
4.8	Keputusan Analisis Deskriptif Tahap Kesejahteraan Diri	93
4.9	Keputusan Analisis Deskriptif Kesan Penglibatan Dalam Aktiviti Sukarela Mengikut Model PERMA	94
4.10	Perbezaan Tahap Penglibatan Golongan Awal Dewasa Dalam Aktiviti Sukarela Antara Jantina	96
4.11	Perbezaan Tahap Penglibatan Golongan Awal Dewasa Dalam Aktiviti Sukarela Antara Status Perkahwinan	97
4.12	Perbezaan Tahap Penglibatan Golongan Awal Dewasa Dalam Aktiviti Sukarela Antara Kawasan Tempat Tinggal	98
4.13	Perbezaan Tahap Penglibatan Golongan Awal Dewasa Dalam Aktiviti Sukarela Antara Bangsa	99
4.14	Perbezaan Tahap Penglibatan Golongan Awal Dewasa Dalam Aktiviti Sukarela Antara Kategori Umur	101
4.15	Perbezaan Tahap Penglibatan Golongan Awal Dewasa Dalam Aktiviti Sukarela Antara Kategori Pekerjaan	102
4.16	Perbezaan Tahap Penglibatan Golongan Awal Dewasa Dalam Aktiviti Sukarela Antara Kategori Pendapatan Bulanan	103
4.17	Hubungan Tahap Penglibatan Dalam Aktiviti Sukarela Dengan Faktor Peribadi Dalam Menyertai Aktiviti Sukarela	104
4.18	Hubungan Tahap Penglibatan Dalam Aktiviti Sukarela Dengan Faktor Sosial Dalam Menyertai Aktiviti Sukarela	106
4.19	Hubungan Tahap Penglibatan Dalam Aktiviti Sukarela Dengan Faktor Karakteristik Pertubuhan Dalam Menyertai Aktiviti Sukarela	107

4.20	Hubungan Tahap Penglibatan Dalam Aktiviti Sukarela Dengan Tahap Kesejahteraan Diri	108
4.21	Hubungan Tahap Penglibatan Dalam Aktiviti Sukarela Dengan Kesan Penglibatan Dalam Aktiviti Sukarela Mengikut Model PERMA	109
4.22	Peramal Faktor Penglibatan Golongan Awal Dewasa Dalam Aktiviti Sukarela	110

## **SENARAI RAJAH**

	<b>Halaman</b>
2.1 Kerangka Konseptual Kajian	61

## SENARAI SINGKATAN

Ho	Hipotesis Nul
SPSS	<i>Statistical Package for Social Sciences</i>
PERMA	Akronim yang mewakili <i>Positive Emotion, Engagement, Relationships, Meaning and Accomplishment</i> dalam Teori Kesejahteraan.

**TAHAP PENGLIBATAN DALAM AKTIVITI SUKARELA DAN KESANNYA  
TERHADAP KESEJAHTERAAN DIRI GOLONGAN AWAL DEWASA DI  
KEDAH**

**ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap dan faktor penglibatan golongan awal dewasa di Kedah dalam aktiviti sukarela, selain mengkaji tahap kesejahteraan diri mereka. Kajian ini juga mengkaji sejauh mana aktiviti sukarela menyumbang kepada tahap kesejahteraan hidup dari sudut Model PERMA. Kajian berbentuk kuantitatif ini menggunakan instrumen borang soal selidik dan telah dijalankan ke atas 127 orang sukarelawan golongan awal dewasa dari pertubuhan-pertubuhan sukarela kebajikan di negeri Kedah. Teori Kesejahteraan Diri oleh Seligman (2011) dan Teori Pembelajaran Sosial oleh Bandura (1986) telah digunakan dalam kajian ini. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap penglibatan golongan awal dewasa dalam aktiviti sukarela di Kedah mencatatkan purata min sebanyak 3.94 (sederhana tinggi). Kajian juga mendapati bahawa tiada perbezaan yang signifikan dari segi tahap penglibatan berdasarkan faktor demografi jantina, status perkahwinan, kawasan tempat tinggal, bangsa, kategori umur, pekerjaan dan pendapatan bulanan. Kajian ini juga turut mendapati terdapatnya hubungan yang signifikan di antara tahap penglibatan dalam aktiviti sukarela dengan faktor peribadi (kepercayaan agama, sifat altruisme dan perasaan belas kasihan), faktor pengaruh sosial (pengaruh ibu bapa dan keluarga, pengaruh rakan sebaya dan pengaruh media massa) serta faktor karakteristik pertubuhan sukarela (pihak kepimpinan dan pengurusan sukarelawan, insentif dan reputasi). Keputusan kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap penglibatan dalam aktiviti sukarela dengan

tahap kesejahteraan diri (kegembiraan dan kepuasan hidup). Selain itu, kajian ini juga mendapati terdapatnya hubungan yang signifikan tahap penglibatan golongan awal dewasa dengan kesan penglibatan dalam aktiviti sukarela mengikut Model PERMA (emosi positif, penglibatan, perhubungan, kebermaknaan dan pencapaian). Kajian ini memberikan implikasi bahawa kemungkinan faktor personaliti dan minat lebih memainkan peranan berbanding faktor demografi dalam mendorong penglibatan sukarelawan selain memberi implikasi bahawa tahap kesejahteraan diri mempunyai kaitan dengan tahap penglibatan dalam aktiviti sukarela.

# **LEVEL OF INVOLVEMENT IN VOLUNTEERING ACTIVITY AND ITS EFFECTS TOWARDS YOUNG ADULTS WELL-BEING IN KEDAH.**

## **ABSTRACT**

This study aims to assess the level of involvement and factors of participation in volunteering activities among the young adults in Kedah and to review their personal well-being . This study also aims to examine how the voluntary activities could contribute to the well-being from the PERMA Model perspective. This quantitative research uses questionnaire instrument and it had been conducted on 127 volunteers among young adults in a Welfare Organization in Kedah. The Well-Being Theory by Seligman (2011) and The Social Learning Theory by Bandura (1986) had also been referred to in this study. Result from this study shows that the involvement of adults in the voluntary activities in Kedah had a mean of 3.94 (which is medium). The result also shows that there is no significant difference in the level of involvement by demographic factor like gender, marriage status, the living area, races, age, occupations and monthly income. This study also presents the significant relationships between the level of involvement in voluntary activities with personal factor (religious beliefs, altruism and compassion), social influence factor (parents and family influence, peer influence and the social media influence) and the characteristics of the Voluntary Organization factor (leadership and volunteer management, incentive and reputation). Result from this study also shows that there is a significant relationship between the involvement in volunteer activities with personal well-being (happiness and life satisfaction). This research found that there was a significant relationship between the involvement in voluntary activities with effect of involvement in accordance with PERMA Model (positive emotion,



engagement, relationships, meaning and accomplishment). This research also shows that personality and interest are playing more role than demographic factor in encouraging the involvement of volunteer. In addition, it also shows that the level of personal well-being also has to do with the level of involvement in voluntary activities.

# **BAB 1**

## **Pengenalan**

### **1.1 Latar belakang kajian**

Aktiviti sukarela adalah suatu aktiviti yang dijalankan oleh organisasi, pertubuhan, badan atau persatuan sukarela bagi mencapai matlamat untuk menjaga kebajikan, memberi khidmat ke arah kebaikan, menyumbang kepada kesejahteraan dan membantu mana-mana golongan yang memerlukan. Dalam menjalankan aktiviti sukarela, ianya tidak hanya tertakluk kepada bantuan/sumbangan dalam bentuk kewangan dan material sahaja, malahan sukarelawan perlu memperuntukan dan menyumbangkan sedikit masa, tenaga, sokongan mental dan spiritual.

Sukarelawan merujuk kepada seseorang yang mempunyai minat dan terlibat dalam kegiatan sesuatu bidang dan aktiviti sukarela. Azizan (2006) menyatakan sukarelawan melakukan aktiviti sukarelawan dengan berbagai-bagai kaedah yang sesuai dan berkesan. Kaedah-kaedah ini meliputi khidmat nasihat, bimbingan, kaunseling, motivasi, gotong royong, kerja berkumpulan, penggunaan pelbagai kemahiran, aneka terapi dan proses pemulihan, penggunaan teknologi dan sebagainya. Aktiviti sukarela juga melibatkan pelbagai skop yang luas, di mana ia melibatkan penyertaan aktif anggota-anggota masyarakat dalam pelbagai bidang kehidupan yakni pendidikan, ekonomi, ketatanegaraan, keagamaan, hak-hak asasi manusia, kepenggunaan, alam sekitar, kepekaan gender, kebajikan dan lain-lain.

Walaupun sukarelawan terdiri daripada pelbagai bangsa, agama, usia, latar belakang pendidikan, status perkahwinan, latar belakang kerjaya tanpa mengira jantina lelaki mahupun wanita, ada pembahagian corak yang dapat diperhatikan dari segi latar belakang mereka. Contohnya, dalam kajian Tong (2007) yang mendapati

golongan lelaki lebih ramai menyertai sukarelawan apabila menginjak usia awal dewasa. Dari segi status perkahwinan pula, Tong (2007) mendapati bahawa golongan awal dewasa yang belum berkahwin lebih cenderung menyertai sukarelawan berbanding golongan awal dewasa yang sudah berkahwin atau pernah berkahwin. Dari segi tahap pendidikan dan status kerjaya pula, Tong (2007) mendapati individu yang mempunyai tahap pencapaian pendidikan dan tahap pencapaian status kerjaya yang tinggi lebih cenderung menyertai aktiviti sukarela berbanding mereka yang berpencapaian rendah. Hal ini menunjukkan terdapatnya perbezaan dari segi demografi golongan yang menjadi sukarelawan.

Sukarelawan memberikan sumbangan tanpa mengharapkan balasan atau ganjaran dan ianya didorong oleh faktor-faktor tertentu. Secara umumnya, aktiviti sukarelawan dijalankan atas dorongan untuk memberi manfaat kepada sesuatu kelompok masyarakat, memupuk kasih sayang dan keinginan untuk melakukan sesuatu yang baik untuk orang lain. Namun begitu, perlu disedari bahawa terdapat juga mereka yang melibatkan diri dalam kerja-kerja sukarela ini berlandaskan tujuan-tujuan kepentingan peribadi yang hendakkan nama, mahu lebih dikenali, inginkan pangkat, status sosial dan sebagainya. Meskipun mereka dianggap sebagai sukarelawan, namun mereka bukanlah sukarelawan yang tulen atau sejati (*genuine*) yang dapat menghayati kerja sukarela sebaiknya. Persoalan mengenai dorongan dan tujuan sukarelawan ini dilihat penting kerana ianya memberi roh kepada kerja sukarela. (Azizan, 2006).

Dapat dinyatakan bahawa sesuatu tingkahlaku prososial seperti menjalankan aktiviti sukarela mampu membawa kesan kepada kesejahteraan dan kegembiraan pengamalannya. Menurut Ma'rof (2001), tingkah laku prososial yang dilakukan boleh memberi kepuasan pada diri dan mengubah mood yang negatif ke arah yang lebih

positif. Manusia juga menolong orang lain kerana mereka ingin merasa baik dan merasa bahagia. Meletakkan kajian ini dalam konteks psikologi positif, aktiviti sukarela bolehlah dianggap sebagai sebahagian dari aktiviti positif yang berpotensi menimbulkan pengalaman positif dan meningkatkan kegembiraan.

Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi penglibatan seseorang dalam aktiviti sukarela. Namun faktor penglibatan yang difokuskan dalam kajian ini adalah berkaitan dengan faktor peribadi iaitu bagi dimensi kepercayaan agama, sifat altruisme serta perasaan belas kasihan, faktor pengaruh sosial iaitu bagi dimensi pengaruh ibu bapa dan keluarga, pengaruh rakan sebaya serta pengaruh media massa dan yang terakhir sekali ialah faktor karakteristik pertubuhan sukarela iaitu bagi dimensi kepimpinan dan pengurusan pertubuhan sukarelawan, insentif dan reputasi.

Dalam konteks psikologi positif, Model PERMA yang diperkenalkan oleh Seligman (2011) digunakan untuk menggambarkan keseluruhan konteks kesejahteraan dan kegembiraan. Akronim PERMA dalam model ini mewakili elemen-elemen tertentu. Akronim P adalah merujuk kepada *Positive Emotion* (Emosi Positif), E adalah *Engagement* (Penglibatan), R adalah *Relationships* (Perhubungan), M adalah *Meaning* (Kebermaknaan) dan yang terakhir A adalah *Accomplishment* (Pencapaian). Dalam perspektif kajian ini pula, Model PERMA akan digunakan untuk meninjau sejauh mana penglibatan golongan awal dewasa dalam aktiviti sukarela akan memberi kesan kepada kesejahteraan diri mereka. Dengan berfokuskan kepada kelima-lima elemen ini, pengkaji mengkaji bagaimana aktiviti sukarela mampu menjadikan kehidupan sukarelawan lebih bersifat positif.

Berfokus kepada aktiviti sukarela, objektif utama kajian ini ialah untuk meneroka tahap dan faktor penglibatan golongan awal dewasa di negeri Kedah dalam aktiviti ini. Golongan awal dewasa dipilih untuk kajian ini kerana dilihat mampu

mewakili kumpulan masyarakat yang paling ramai menyumbangkan tenaga dalam aktiviti sukarela. Asmawati (2004) juga menyatakan pada tahap peringkat golongan awal dewasa inilah menunjukkan keadaan kesihatan yang paling baik, kekuatan paling hebat dan reflek diri yang paling cepat hingga mendorong golongan awal dewasa bertindak lebih aktif berbanding golongan-golongan usia lain. Individu yang menjadi fokus kajian ini pula ialah mereka yang terlibat menjadi sukarelawan dengan Pertubuhan Sukarela Kebajikan di negeri Kedah di mana pertubuhan-pertubuhan ini berdaftar secara rasmi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Pengkaji meninjau tahap dan faktor penglibatan golongan awal dewasa dalam aktiviti sukarela dan kesannya ke atas kesejahteraan diri dari perspektif Psikologi Positif. Selain itu, antara persoalan kajian yang dikaji ialah sama ada latar belakang demografi mempunyai hubungan dengan tahap penglibatan golongan awal dewasa dalam aktiviti sukarela.

Kajian kuantitatif yang dijalankan ini juga cuba meneroka dan mengkaji kesan penglibatan aktiviti sukarela ke atas tahap kegembiraan dan kepuasan hidup sukarelawan golongan awal dewasa. Hasil dapatan kajian ini seterusnya diharap dapat menambah ilmu pengetahuan dan khazanah ilmu bagi bidang ilmu psikologi positif di Malaysia. Kajian ini juga diharap dapat membantu meningkatkan penglibatan golongan awal dewasa dalam aktiviti sukarela.

## **1.2 Permasalahan kajian**

Aktiviti sukarela merupakan suatu aktiviti murni ke arah memberi perkhidmatan sumbangan tenaga, masa dan kemahiran untuk tujuan kebajikan, kebaikan dan kesejahteraan masyarakat. Khidmat sukarelawan amat diperlukan terutamanya apabila terdapat permasalahan dan isu-isu seperti bencana alam,

masalah sosial masyarakat yang memerlukan mahupun apabila acara-acara terbesar diadakan.

Namun begitu, yang menjadi permasalahan dalam isu kesukarelawanan ialah kekurangan penyertaan sukarelawan yang aktif dalam menyertai sebarang aktiviti sukarela yang dijalankan. Menurut Azizan (2006), aktiviti sukarela semakin sukar mendapat sambutan kerana rata-rata orang bertanyakan apa yang mereka boleh dapat dari sesuatu kegiatan yang diceburinya. Pulangan dalam bentuk wang dan kebendaan sering menjadi ukuran dalam menentukan sama ada tenaga dan masa perlu diberikan atau sebaliknya. Ini akhirnya mendorong kepada kemerosotan penglibatan sukarelawan.

Sebagai salah seorang sukarelawan yang pernah berkhidmat di Kedah, pengkaji sendiri mengalami pengalaman berinteraksi dan melihat sendiri gaya penglibatan sukarelawan. Boleh dinyatakan di sini bahawa penyertaan sukarelawan dalam aktiviti sukarela yang dianjurkan di Kedah masih kurang memberansangkan. Ada di kalangan sukarelawan yang tampil turut serta pada waktu-waktu tertentu sahaja dan ianya tidak bersifat terus menerus. Zulhafiz, Salfarina, Nazri & Malik (2013) dalam kajian mereka turut membincangkan isu kekurangan penyertaan sukarelawan apabila berlakunya bencana banjir di Daerah Padang Terap Kedah. Dalam kajian tersebut menyatakan kurangnya bantuan dari sukarelawan bagi membantu proses mencuci rumah selepas banjir yang melanda selain wujudnya beberapa masalah lain akibat banjir tersebut.

Selain daripada isu bencana alam, banyak lagi krisis lain yang berlaku dan kita kekurangan bantuan dan perhatian daripada golongan yang rela menawarkan diri sebagai sukarelawan. Isteri mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali misalnya pernah mengeluarkan kenyataan sewaktu merasmikan Pusat

Rawatan Dialisis Fazwinna di Aman Jaya, Sungai Petani yang menyatakan bahawa, kebanyakan Pusat Rawatan Hemodialisis buah pinggang yang ditubuhkan di Malaysia sangat memerlukan sokongan masyarakat yang sudi membuat kerja secara sukarela bagi menampung kekurangan kakitangan terlatih (Sumber Bernama, 2011). Ini menunjukkan bahawa masih banyak isu, krisis dan masalah yang berlaku di Malaysia yang meskipun mungkin dilihat kurang penting namun sebenarnya masih memerlukan perhatian dan bantuan golongan sukarelawan.

Golongan awal dewasa dilihat sebagai golongan usia yang mempunyai tahap kudrat yang kuat serta tahap kesihatan yang baik. Pada peringkat usia ini, adalah baik sekiranya mereka dapat meluangkan masa melakukan aktiviti yang berfaedah seperti aktiviti sukarela. Namun begitu yang menjadi permasalahannya apabila ada di kalangan mereka yang mudah terjebak menjalankan aktiviti lain yang bersifat negatif. Fazilah, Ezhar, Azimi & Wendy (2005) dalam kajian mereka yang melibatkan golongan berusia 15 hingga 30 tahun berisiko menonton bahan lucah, merokok, berjudi, melakukan vandalisme, dan meminum arak. Adalah lebih elok sekiranya golongan awal dewasa ini didorong untuk terlibat menjalankan aktiviti sukarela.

Menyertai aktiviti sukarela juga dikatakan salah satu cara untuk memupuk golongan awal dewasa untuk bersosialisasi dalam masyarakat, melihat realiti kehidupan sebenar masyarakat yang mungkin jauh lebih kurang bernasib baik dari mereka serta menyumbang bakti kepada ahli masyarakat yang memerlukan. Seligman (2011) menyatakan, rasa berterima kasih, pengharapan dan sifat kasih sayang adalah merupakan antara penyumbang utama kepada kegembiraan dan kesejahteraan diri, dan sifat ini ternyata tidak wujud dalam diri seseorang yang bersikap individualistik. Oleh kerana masalah-masalah golongan awal dewasa yang

semakin menular inilah, pengkaji berminat untuk meneroka apakah faktor-faktor yang mampu menarik minat golongan awal dewasa bagi menyertai aktiviti sukarela.

Di Malaysia, kajian mengenai kesukarelawan dilihat masih kurang dijalankan dan diberi perhatian terutamanya dari perspektif psikologi positif dan aspek kesannya kepada golongan masyarakat. Konsep dan fakta tentang aktiviti sukarela dilihat jarang diterjemahkan dalam bentuk penulisan samada akhbar, buletin, majalah, buku, jurnal, tesis dan lain-lain bentuk terbitan berbanding di luar negara. Malahan sebarang pergerakan aktiviti sukarela yang dijalankan oleh pertubuhan dan organisasi sukarelawan juga dilihat jarang dicatatkan dalam bentuk penulisan diari aktiviti, yang mungkin menceritakan tentang pengalaman pahit manis aktiviti sukarela yang pernah dijalankan. Kekurangan sumber dari segi khazanah ilmu rujukan ini menyebabkan aktiviti sukarela yang dijalankan kurang mendapat perhatian dan info mengenainya gagal disampaikan kepada orang ramai. Malahan masyarakat juga gagal memahami konsep dan fakta sebenar mengenai sesuatu aktiviti sukarela yang dijalankan.

Oleh kerana permasalahan-permasalahan yang dinyatakan inilah menyebabkan pengkaji berminat untuk mengkaji tahap dan faktor penglibatan golongan awal dewasa dalam aktiviti sukarela selain mengkaji sejauh manakah penglibatan mereka itu mampu menyumbang kepada tahap kegembiraan dan kepuasan hidup mereka seterusnya mencapai tahap kesejahteraan dalam hidup.

### **1.3 Persoalan kajian**

Persoalan kajian ini menumpukan kepada tajuk dan perspektif yang ingin dikaji seperti berikut :-



- (i) Sejauh manakah tahap penglibatan golongan awal dewasa dalam aktiviti sukarela di negeri Kedah?
- (ii) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan tahap penglibatan golongan awal dewasa dalam aktiviti sukarela mengikut ciri-ciri demografi seperti jantina, status perkahwinan, kawasan tempat tinggal, bangsa, kategori umur, pekerjaan dan pendapatan bulanan dalam konteks aktiviti sukarela di negeri Kedah?
- (iii) Adakah faktor peribadi (kepercayaan agama, sifat altruisme dan perasaan belas kasihan), faktor sosial (pengaruh ibu bapa dan keluarga, pengaruh rakan sebaya dan pengaruh media massa) serta faktor karakteristik pertubuhan sukarela (pihak kepimpinan dan pengurusan sukarelawan, insentif dan reputasi) mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap penglibatan golongan awal dewasa dalam aktiviti sukarela?
- (iv) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kesejahteraan diri dengan tahap penglibatan golongan awal dewasa dalam aktiviti sukarela?
- (v) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penglibatan dengan kesan penglibatan mengikut Model PERMA bagi golongan awal dewasa dalam aktiviti sukarela?
- (vi) Adakah peramal faktor penglibatan golongan awal dewasa dalam aktiviti sukarela?

#### **1.4 Objektif kajian**

Objektif umum kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji tahap dan faktor penglibatan golongan awal dewasa dalam aktiviti sukarela dan kesannya ke atas

kesejahteraan diri dalam konteks psikologi positif. Manakala objektif khusus kajian ini dijalankan pula adalah untuk :-

- (i) Mengenalpasti tahap penglibatan golongan awal dewasa dalam aktiviti sukarela di negeri Kedah.
- (ii) Mengkaji perbezaan tahap penglibatan golongan awal dewasa dalam aktiviti sukarela mengikut ciri-ciri demografi seperti jantina, status perkahwinan, kawasan tempat tinggal, bangsa, kategori umur, pekerjaan dan pendapatan bulanan di negeri Kedah.
- (iii) Mengkaji bagaimana faktor peribadi (kepercayaan agama, sifat altruisme dan perasaan belas kasihan), faktor sosial (pengaruh ibu bapa dan keluarga, pengaruh rakan sebaya dan pengaruh media massa) serta faktor karakteristik pertubuhan sukarela (pihak kepimpinan dan pengurusan sukarelawan, insentif dan reputasi) berhubung dengan tahap penglibatan golongan awal dewasa dalam aktiviti sukarela.
- (iv) Mengkaji bagaimana hubungan antara tahap kesejahteraan diri dengan tahap penglibatan golongan awal dewasa dalam aktiviti sukarela.
- (v) Mengkaji hubungan antara tahap penglibatan dengan kesan penglibatan mengikut Model PERMA bagi golongan awal dewasa dalam aktiviti sukarela.
- (vi) Mengkaji peramal faktor penglibatan golongan awal dewasa dalam aktiviti sukarela.

## **1.5 Kepentingan kajian**

Kepentingan kajian adalah bertujuan untuk menjelaskan mengapa permasalahan kajian ini perlu dikaji (Sabitha, 2005). Kajian ini dilihat

berkepentingan di mana ianya akan sedikit sebanyak menyumbang kepada penyelesaian terhadap permasalahan kajian yang dibincangkan sebelum ini dan seterusnya membawa faedah kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan, golongan awal dewasa, masyarakat dan pembentukan khazanah ilmu psikologi positif di Malaysia.

Pertamanya, kajian ini akan mengupas faktor di sebalik penglibatan golongan awal dewasa dalam aktiviti sukarela. Maklumat ini penting kepada pihak Pertubuhan Sukarela Kebajikan. Pertubuhan Sukarela Kebajikan banyak merancang dan menggerakkan program-program dan aktiviti-aktiviti sukarela, oleh itu pihak mereka perlulah mengenalpasti faktor-faktor penglibatan ini supaya dapat membuat penyesuaian yang relevan dalam usaha untuk mengalakkan penglibatan lebih ramai masyarakat dalam aktiviti sukarela. Hal ini ditambah lagi dengan permasalahan kekurangan dan kemerosotan anggota masyarakat yang rela menabur bakti untuk menjadi sukarelawan. Pengetahuan dari kajian ini sedikit sebanyak dapat membekalkan pengetahuan kepada pihak pertubuhan bagi memenuhi kehendak ahli-ahli serta bakal ahli dan meningkatkan penglibatan mereka dalam aktiviti sukarela sekaligus mengurangkan masalah kemerosotan ahli. Diharapkan semoga pertubuhan sukarela berjaya membawa misi ke arah matlamat organisasi yang dirancang.

Keduanya, hasil kajian ini juga dilihat bermanfaat kepada golongan awal dewasa yakni individu yang berusia 20 hingga 40 tahun yang difokuskan dalam kajian ini. Seperti yang dibincangkan dalam pernyataan masalah sebelum ini, dalam dunia yang serba moden ini, kebanyakan masyarakat terutamanya golongan awal dewasa lebih gemar hidup dalam lingkungan kelompok mereka sendiri sehingga mereka cenderung bersifat individualistik, narsistik serta tidak memperdulikan perihal orang lain. Ini sedikit demi sedikit menghakis nilai-nilai kemanusiaan dalam diri setiap insan sehingga mereka kurang bersifat altruisme, simpati dan kurang

bertingkah laku prososial. Oleh itu, kajian ini dilihat berkepentingan untuk membuka mata golongan awal dewasa bahawa dengan bersosialisasi dalam aktiviti sukarela, bukan sahaja dapat meringankan bebanan golongan yang memerlukan tetapi juga mereka dapat mencapai tahap kesejahteraan diri ketika menghulurkan bantuan tersebut. Ini sekaligus dapat memupuk rasa kasih sayang serta meningkatkan nilai kemanusiaan dalam diri mereka bagi membentuk jati diri insan yang lebih positif dan progresif.

Dapat dinyatakan bahawa budaya tolong menolong dan bantu membantu dilihat masih rendah di kalangan masyarakat hari ini walhal selaku anggota masyarakat, kita sendiri tak tahu tentang bahaya malapetaka, bencana dan kesusahan yang mungkin akan turut menimpa kita pada suatu hari nanti. Ini juga dapat dikaitkan dengan permasalahan yang dibincangkan sebelum ini, Kajian ini dilihat berkepentingan juga kepada masyarakat untuk melihat betapa besarkan peranan dan keperluan anggota sukarelawan yang bersedia untuk membantu mereka tatkala kesusahan. Malahan kajian yang menjuruskan tentang kesan penglibatan dalam aktiviti sukarela ke atas kesejahteraan diri individu juga mampu membuka mata golongan masyarakat bahawa sebenarnya aktiviti sukarela ini mampu penyumbang kesan dari aspek psikologi kepada individu yang menyertainya.

Pengkaji berminat tentang perspektif kajian ini kerana kepentingannya juga kepada khazanah ilmu berkenaan aktiviti sukarela. Sepanjang penelitian dilakukan terhadap kajian ini, pengkaji mendapati kurangnya terbitan buku-buku, tesis, jurnal atau majalah ilmiah yang dikeluarkan untuk memaparkan tentang konsep sebenar dan perkembangan aktiviti sukarela. Kajian yang akan dilakukan ini dilihat mampu mengemukakan konsep-konsep sebenar tentang aktiviti sukarela dan mampu meningkatkan ilmu pengetahuan dalam bidang psikologi khususnya psikologi positif.

Selain itu, ianya juga diharapkan dapat menambahkan bahan bacaan serta rujukan kepada pelajar-pelajar, para ilmuan dan juga penyelidik di masa akan datang. Kajian ini diharap dapat membantu meningkatkan lagi kefahaman tentang isu berkaitan dengan penglibatan sukarelawan ini.

## **1.6 Hipotesis kajian**

Daripada objektif kajian yang telah dihuraikan, berikut merupakan hipotesis kajian ini :-

- (i) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap penglibatan golongan awal dewasa dalam aktiviti sukarela antara jantina.
- (ii) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap penglibatan golongan awal dewasa dalam aktiviti sukarela antara status perkahwinan.
- (iii) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap penglibatan golongan awal dewasa dalam aktiviti sukarela antara kawasan tempat tinggal.
- (iv) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap penglibatan golongan awal dewasa dalam aktiviti sukarela antara bangsa.
- (v) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap penglibatan golongan awal dewasa dalam aktiviti sukarela antara kategori umur.
- (vi) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap penglibatan golongan awal dewasa dalam aktiviti sukarela antara kategori pekerjaan.
- (vii) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap penglibatan golongan awal dewasa dalam aktiviti sukarela antara kategori pendapatan bulanan.
- (viii) Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penglibatan dalam aktiviti sukarela dengan faktor peribadi dalam menyertai aktiviti sukarela.

- (ix) Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penglibatan dalam aktiviti sukarela dengan faktor sosial dalam menyertai aktiviti sukarela.
- (x) Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penglibatan dalam aktiviti sukarela dengan faktor karakteristik pertubuhan sukarela dalam menyertai aktiviti sukarela.
- (xi) Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penglibatan dalam aktiviti sukarela dengan tahap kesejahteraan diri.
- (xii) Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penglibatan dalam aktiviti sukarela dengan kesan penglibatan dalam aktiviti sukarela mengikut Model PERMA.

## **1.7 Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, Bab 1 yakni bahagian Pengenalan ini adalah asas kepada pembentukan kajian. Ianya adalah untuk memandu arah kajian ini ke bahagian-bahagian seterusnya. Bahagian ini telah menghuraikan latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian dan hipotesis kajian. Kajian literatur akan dibincangkan dalam bab seterusnya.

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 Pendahuluan**

Dalam bab 2 ini, pengkaji akan menerangkan secara lebih lanjut mengenai definisi konsep dan operasional mengenai terma-terma yang diguna pakai dalam kajian ini secara lebih mendalam. Selain itu pada bahagian ini, pengkaji akan mengulas mengenai sorotan kajian literatur mengenai kajian-kajian lepas yang mempunyai kaitannya dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini. Seterusnya bab ini akan menerangkan dengan lanjut mengenai teori-teori kajian beserta kerangka konseptual kajian.

#### **2.2 Definisi Konsep & Operasional**

Pada permulaan bab ini, pengkaji akan menghuraikan definisi konsep dan definisi operasional mengenai terma-terma yang digunakan dalam kajian ini untuk memperjelaskan mengenainya lagi.

##### **2.2.1 Definisi kesukarelawan**

Saifuddin (2001) memberi makna perkataan kesukarelawan sebagai sikap sukarela dengan melakukan sesuatu dengan kehendak sendiri, tidak dipaksa atau dikerah, dengan niat yang ikhlas, tulus dan dengan tidak mengharapkan apa-apa pulangan kepada diri sendiri. Meskipun kesukarelawan tidak dilakukan dengan matlamat untuk mendapatkan balasan kewangan, namun penerimaan imbulan gantian pembayaran balik bagi pembelanjaan yang diperlukan dan sedikit bayaran saguhati adalah dibenarkan kepada sukarelawan.

Dekker & Helman (2003) dalam buku mereka yang bertajuk *The Values of Volunteering; Cross-Cultural Perspectives*, mendefinisikan kesukarelawan sebagai suatu aktiviti yang tidak dibayar dan dilakukan secara bebas tanpa sebarang paksaan. Namun pun begitu, sukarelawan boleh dibayar wang saku untuk perbelanjaan makan, kos perjalanan dan sedikit sumbangan hasil titik peluh mereka. Dengan sedikit insentif ini, ianya membolehkan lebih ramai orang yang mempunyai sumber kewangan yang terhad untuk mengambil bahagian dalam aktiviti sukarelawan.

Azizan (2002) mendefinisikan kesukarelawan sebagai suatu konsep kerja atau khidmat sukarela. Kesukarelawan berasal dari perkataan sukarelawan iaitu seseorang yang berbakti atau memberikan khidmat atau sumbangan secara sukarela, yakni dengan rela hati, tanpa paksaan, serta dengan niat yang ikhlas tanpa mengharapkan ganjaran material.

Manakala Maher (2005) pula mendefinisikan sukarelawan sebagai suatu aktiviti yang dilakukan oleh pertubuhan-pertubuhan yang tidak bermotifkan keuntungan untuk memberikan manfaat kepada masyarakat secara sukarela dan tidak melibatkan pembayaran wang.

Berdasarkan definisi yang diutarakan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa kesukarelawan adalah suatu aktiviti sukarela tanpa paksaan, dilakukan secara bebas dan mampu memberi manfaat kepada pihak lain. Meskipun kesukarelawan adalah aktiviti yang tidak melibatkan pembayaran wang menurut Maher (2005), namun begitu Saifuddin (2001) serta Dekker & Helman (2003) bersetuju bahawa sukarelawan boleh menerima insentif berupa bayaran suguhati.

Dari sudut kajian ini pula secara operasionalnya, kesukarelawan merujuk kepada aktiviti yang diwujudkan hasil inisiatif individu, kumpulan atau pertubuhan untuk kepentingan masyarakat tanpa mengharapkan sesuatu sebagai timbal balas.



Aktiviti sukarela juga membuka peluang untuk ahlinya berbakti untuk kesejahteraan bersama yang berpotensi membawa kepuasan diri kepada ahlinya. Definisi kesukarelawan dalam kajian ini seiring dengan definisi yang diketengahkan dalam kajian-kajian lepas namun kajian ini turut mengkaji dari segi tahap dan faktor penglibatan golongan awal dewasa dalam aktiviti sukarela.

### **2.2.2 Definisi golongan awal dewasa**

Menurut Asmawati (2004), ahli-ahli psikologi pada umumnya menganggap awal dewasa bermula di sekitar umur 20 hingga 40 tahun. Ianya disokong oleh pernyataan oleh Papalia, Olds & Feldman (2009) dalam buku mereka yang bertajuk *Human Development* yang turut mentakrifkan awal dewasa (*young adulthood*) sebagai individu yang berusia 20 hingga 40 tahun.

Manakala dalam kajian ini pula, pengkaji mendefinisikan secara operasional golongan awal dewasa sebagai individu yang berusia 20 hingga 40 tahun di kalangan sukarelawan yang akan dipilih sebagai responden dalam kajian ini.

### **2.2.3 Definisi kepercayaan agama**

Dari sudut definisi, Agus (2005) mendefinisikan agama sebagai pegangan atau pedoman untuk mencapai hidup yang kekal. Perkataan “agama” digunakan sebagai terjemahan dari perkataan Latin iaitu *religio* atau *religion* dalam bahasa Inggeris. Menurut beliau, agama adalah perasaan atau kesedaran akan hubungan dan ikatan kembali manusia kepada Tuhan kerana manusia kembali mengenal dan percaya kepada Tuhan.

Wahyuddin, Achmad, Ilyas, Saifulloh & Muhibbin (2009) pula mendefinisikan agama dalam suatu konteks yang lebih luas dengan menekankan tiga

sistem penting iaitu sistem kepercayaan kepada Tuhan, sistem penyembahan kepada Tuhan dan sistem nilai yang mengatur hubungan manusia dengan Tuhan (hubungan vertikal) dan hubungan manusia dengan manusia (hubungan horizontal). Setiap agama mempunyai tujuan pengakhiran yang sama iaitu selamat, bahagia dan sejahtera hidup di dunia dan akhirat. Menurut mereka lagi, tujuan seseorang beragama tidak hanya mengutamakan keselamatan hidup duniawi yang bersifat sementara sahaja tetapi yang lebih penting adalah keselamatan dan kebahagiaan hidup ukhrawi yang bersifat spiritual.

Manakala Mashitah, Marina, Roslizawati & Wan (2011) pula mendefinisikan agama sebagai merangkumi dua dimensi yang utama iaitu kepercayaan dan tindakan. Kepercayaan dan tindakan yang dihasilkan oleh agama ini juga perlu difahami sebagai elemen yang sangat berkait rapat atau dalam erti kata yang lain, tidak sempurna sesebuah agama sekiranya merangkumi kepercayaan sahaja tanpa tindakan. Malah begitu juga sebaliknya, tidak sempurna sesebuah agama sekiranya hanya melibatkan tindakan sahaja tanpa sebarang kepercayaan.

Manakala dalam konteks kajian ini pula, kepercayaan agama secara operasionalnya didefinisikan sebagai suatu pegangan dalam hidup seseorang individu semenjak mereka dilahirkan. Antara kepercayaan agama yang penting di dunia ialah Islam, Buddha, Kristian dan lain-lain. Setiap agama di dunia ini mengajar manusia bahawa menolong orang yang kurang bernasib baik adalah merupakan suatu perbuatan yang mulia dan digalakkan. Oleh itu pengkaji menjadikan kepercayaan agama ini sebagai suatu dimensi pembolehubah untuk menguji samada ianya mampu mempengaruhi penglibatan golongan awal dewasa dalam aktiviti sukarela.

#### 2.2.4 Definisi sifat altruisme

Dari sudut definisi, Midlarsky & Kahana (1994) dalam buku mereka yang bertajuk "*Altruism in Later Life*" menyatakan bahawa sifat altruisme merupakan suatu tingkah laku secara sukarela yang didorong oleh keprihatinan terhadap kebajikan orang lain dan dilakukan tanpa mengharapkan sebarang balasan. Sifat altruisme dianggap juga sebagai suatu tingkah laku yang didorong oleh sifat pemurah dalam diri seseorang, rasa ambil berat terhadap orang lain dan sifat ingin membantu orang lain. Sifat altruisme tidak sama dengan tingkah laku menolong. Namun sifat altruisme bolehlah dikategorikan sebagai salah satu subkategori tingkah laku menolong menurut pengkajian ini.

Menurut Ma'rof (2001), sifat altruisme merujuk kepada tingkah laku atau sikap mempeduli atau mengambil berat kebajikan orang lain tanpa mengharapkan apa-apa ganjaran daripada tindakan itu. Menurut beliau lagi, seseorang yang bertindak menolong orang lain yang berada dalam keadaan cemas boleh dianggap sebagai altruistik (mempunyai sikap mengutamakan kesenangan atau kepentingan orang lain) sekiranya ia tidak mengharapkan apa-apa ganjaran sosial, material atau psikologikal daripada pertolongan tersebut. Dengan erti kata lain, pertolongan yang diberikan itu adalah secara ikhlas.

Azizi, Yusuf, Jamaludin, Jaafar, Fawziah & Amir (2004) mendefinisikan sifat altruisme sebagai satu bentuk tingkah laku atau sifat menolong yang meletakkan kepentingan individu lain melebihi kepentingan peribadi dan bertindak tanpa ingin mendapatkan sebarang ganjaran.

Rozmi (2011) pula memberi makna sifat altruisme sebagai suatu perbuatan baik secara sukarela bagi membantu orang tanpa sebarang motif atau ganjaran dan mereka akan berasa puas jika dapat menolong orang lain. Sifat altruisme juga

dianggap mempunyai darjah kesukarelaan yang lebih tinggi berbanding dengan perbuatan baik lain.

Dalam perspektif kajian ini pula, definisi sifat altruisme agak mempunyai persamaan dengan definisi yang diketengahkan oleh pengkajian sebelum ini, di mana ianya didefinisikan sebagai sebarang tingkah laku menolong yang dilakukan oleh anggota dalam aktiviti sukarela dengan tujuan untuk memanfaatkan orang lain. Sifat altruisme dilihat mampu membawa kesejahteraan dari segi fizikal atau psikologi kepada orang lain. Dapat juga dinyatakan bahawa seseorang yang mempunyai sifat altruisme, turut juga mempunyai ciri-ciri empati dan berpersonaliti baik.

#### **2.2.5 Definisi perasaan belas kasihan**

Dari sudut definisi konsep, Rachels (2004) mendefinisikan belas kasihan sebagai menaruh simpati dan merasa prihatin terhadap orang lain. Punca individu mempunyai perasaan belas kasihan adalah kerana wujudnya kesedaran dalam diri mereka yang bencana atau kesusahan yang dilalui oleh orang lain, suatu hari nanti berkemungkinan boleh berlaku juga kepada diri mereka.

Begitu juga dengan Gilbert (2005) yang mendefinisikan belas kasihan sebagai satu kebimbangan individu apabila melihat penderitaan orang lain sehingga mendorong mereka untuk membantu. Belas kasihan juga menurut beliau ialah bagaimana seseorang individu memahami perasaan dan kesusahan orang lain.

Ini sedikit berlainan dengan definisi yang dikemukakan oleh Harun (2005) yang memfokuskan konsep perasaan belas kasihan dalam konteks agama Islam. Menurut beliau, asas kepada sifat belas kasihan yang sejati ialah kasih terhadap Allah dan perasaan kasih itu akan membimbing manusia ke arah merasai satu hubungan yang amat rapat dengan semua makhluk yang telah Allah berikan kehidupan.

Sungguhpun begitu, terdapat satu perbezaan penting di antara kasih untuk Allah dan perasaan belas kasihan. Perbezaan ini adalah kerana kasih untuk Allah ialah satu cinta yang sejati dan tulus ikhlas. Manakala belas kasihan melibatkan perasaan kasih beserta simpati kepada seseorang kerana kelemahannya. Walhal tidak ada sifat simpati dalam cinta untuk Allah kerana Allah bersifat suci daripada segala ketidaksempurnaanNya.

Wiley (2011) pula mentakrifkan perasaan belas kasihan sebagai satu proses hubungan interpersonal yang timbul hasil daripada kesedaran dan tindak balas emosi terhadap penderitaan orang lain sehingga membawa kepada tindakan dan perlakuan untuk meredakan serta meringankan penderitaan tersebut.

Dari sudut kajian ini pula, perasaan belas kasihan merujuk kepada perasaan simpati apabila melihat kesusahan orang lain. Perasaan belas kasihan ini lazimnya akan mendorong individu untuk melakukan kebajikan kepada golongan yang memerlukan dan merupakan salah satu faktor yang mungkin mendorong individu menyertai aktiviti sukarela.

#### **2.2.6 Definisi pengaruh rakan sebaya**

Dari segi definisi konsep, Habibah (1997) menyatakan rakan sebaya ialah mereka yang tergolong dalam kumpulan yang sama dan mempunyai persamaan dari segi minat, nilai dan aktiviti yang dilakukan oleh rakan sebaya dan ianya mempunyai pengaruh yang penting dalam pencapaian akademik remaja. Rakan sebaya boleh mempengaruhi seseorang individu dari segi nilai dan sikap lebih daripada pengaruh ibu bapa, sekolah, institusi agama dan kumpulan sosial yang lain.

Nursuhaili (2010) pula menyatakan bahawa rakan sebaya memainkan peranan yang sangat penting dalam mengembangkan kebolehan sosial serta kognisi

sosial. Selain daripada mengembangkan kebolehan dan kognisi sosial, rakan sebaya juga turut mempengaruhi sikap dan tingkah laku seseorang individu. Tingkah laku yang biasanya dipengaruhi oleh rakan sebaya adalah merangkumi cara bercakap, cara berpakaian, dan juga cara belajar.

Dalam perspektif kajian ini pula, rakan sebaya membawa maksud teman rapat yakni orang kedua paling rapat dengan diri seseorang selepas ibu bapa dan keluarga. Rakan sebaya dilihat mampu membentuk pandangan seseorang melalui perkongsian pengalaman dan pendapat serta mampu membentuk sikap terbuka seseorang terhadap kehidupan.

### **2.2.7 Definisi pengaruh media massa**

Dari sudut definisi pengaruh media massa, Gitlin (2002) menyatakan media massa ialah media cetak dan media elektronik yang membawa mesej kepada penerima secara meluas. Media cetak adalah termasuk akhbar, majalah dan buku-buku manakala media elektronik adalah termasuk radio, televisyen, video bergambar dan internet. Pengiklanan juga termasuk dalam dua-dua kategori ini dan ianya juga merupakan suatu bentuk media massa.

Rini (2011) pula menyatakan bahawa media massa memiliki tiga peranan sebagai pelopor perubahan kepada masyarakat. Peranan media dalam mendorong perubahan sosial masyarakat sebagai pengubah pola pemikiran masyarakat, sebagai pengubah sikap masyarakat dan sebagai pengubah budaya hidup masyarakat. Ketiga-tiga aspek perubahan sosial itu akan ke arah yang lebih baik apabila masyarakat sudah bersedia dari segi mental dan mampu menerima perubahan tersebut sebagai suatu aspek baru dalam ilmu pengetahuan.

Dari perspektif kajian ini pula, media massa didefinisikan sebagai semua bentuk media cetak dan media elektronik yang mampu menyampaikan informasi, berita, iklan serta maklumkan kepada masyarakat tentang aktiviti sukarela yang dijalankan.

### **2.2.8 Definisi pihak kepimpinan dan pengurusan pertubuhan sukarela**

Pihak kepimpinan dan pengurusan pertubuhan merupakan pihak yang penting dalam sesuatu pertubuhan sukarela kebajikan. Mereka adalah pihak yang berperanan selaku tenaga utama yang menggerakkan seluruh jentera pertubuhan, malahan hidup mati pertubuhan itu sendiri banyak bergantung kepada mereka. Menurut Azizan (2002), pihak kepimpinan dan pengurusan pertubuhan harus menumpukan perhatian kepada aspek-aspek berikut sebagai suatu tanggungjawab penting :

- (i) Pengambilan sukarelawan
- (ii) Orientasi dan latihan
- (iii) Penempatan sukarelawan
- (iv) Ransangan
- (v) Penyeliaan
- (vi) Penilai
- (vii) Pengiktirafan dan penghargaan.

Menurut beliau lagi, aspek-aspek itu dapat membantu dalam pembangunan sukarelawan, di samping meningkatkan keberkesanan kerja sukarela itu sendiri.

Menurut Azizan (2002), peranan dan tanggungjawab pertubuhan sukarela bukan sahaja sekadar menarik minat orang untuk melibatkan diri dalam kerja sukarela, atau menyediakan peluang atau kegiatan untuk orang bersukarela, tetapi turut meliputi aspek-aspek lain seperti pengambilan sukarelawan, orientasi dan

latihan, penempatan sukarelawan, ransangan, penyeliaan, penilaian serta pengiktirafan dan penghargaan. Keseluruhan aspek-aspek pengurusan sukarelawan ini penting kerana ia membantu kerja sukarela berjalan dengan lancar dan berkesan.

### **2.2.9 Definisi insentif**

Dari sudut definisi, Hariandja (2002) mendefinisikan insentif sebagai salah satu jenis penghargaan yang dikaitkan dengan prestasi. Semakin tinggi prestasi maka semakin besar pula insentif yang diterima. Insentif merupakan suatu bentuk motivasi yang positif untuk meningkatkan keseronokan kerja, meningkatkan kreativiti dan pengembangan diri ke arah yang lebih profesional.

Definisi itu disokong oleh Sudarmanto, Sirait & Sumaryo (2006) yang menyatakan insentif adalah merupakan bentuk pendapatan yang mempunyai kaitan langsung dengan motivasi. Insentif yang diberikan adalah bergantung kepada prestasi dan produktiviti seseorang. Insentif ternyata berlainan dengan upah atau gaji kerana upah atau gaji itu adalah merupakan suatu hal yang wajib diberikan. Insentif lazimnya diberikan untuk mendorong individu lebih giat melakukan sesuatu pekerjaan.

Dalam perspektif kajian ini pula, insentif merujuk kepada ganjaran atau elaun berupa wang atau barangan yang diterima oleh sukarelawan dari pihak Pertubuhan Sukarela Kebajikan sebagai suatu penghargaan atas usaha yang dilakukan dalam menjalankan aktiviti sukarela.

### **2.2.10 Definisi reputasi**

Dari sudut definisi, Oliver (2001) mendefinisikan reputasi sebagai hasil dari apa yang seseorang itu lakukan dan apa yang dikatakan oleh orang lain mengenai dirinya.



Dalam perspektif kajian ini pula, reputasi merujuk membawa maksud, nama baik dan prestasi baik yang akan diperolehi oleh sukarelawan apabila mereka terlibat dalam aktiviti sukarela. Faktor reputasi dikaji dan dilihat samada ianya mampu memainkan peranan dan mempengaruhi penglibatan dalam aktiviti sukarela.

### **2.2.11 Definisi kegembiraan**

Dari sudut definisi, Argyle (1987) dalam bukunya "*The Psychology Of Happiness*" menyatakan kegembiraan itu akan ditakrifkan dalam diri seseorang berdasarkan kebahagiaannya, kepuasan dirinya, keseronokan, ketenangan fikiran dan kesenangan hati.

Manakala Alawi (2002) pula telah memberi makna konsep kegembiraan dalam konteks agama Islam di mana menurut beliau, makna gembira bagi manusia adalah kesenangan hati kerana memperoleh kenikmatan dunia yang sifatnya seketika dan sesaat. Kenikmatan tersebut hanya berupa kenikmatan jasmaniah sahaja. Manakala makna gembira di sisi Allah adalah apabila ianya diredhai dan diterima oleh Allah.

Manakala Susniene & Juskauskas (2009) pula telah mendefinisikan kegembiraan sebagai suatu emosi yang membawa rasa senang, kepuasan hidup dan kebahagiaan kepada seseorang. Kegembiraan adalah sesuatu yang sangat subjektif dan bukan hanya bergantung kepada faktor-faktor luaran namun juga terletak kepada faktor dalaman tentang bagaimana individu tersebut memberi makna kepada kehidupannya sendiri. Kegembiraan itu kadang kala sukar untuk ditentukan kerana ianya adalah sangat peribadi bagi seseorang individu. Ia bergantung kepada penilaian seseorang, kecenderungan personaliti mereka dan faktor-faktor lain.